

Malaysia ditawarkan sebagai tempat persaingan pelaburan



DATO SERI DR. MAHATHIR

CHICAGO, Jumaat — Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini menawarkan Malaysia sebagai tempat syarikat-syarikat Amerika meneruskan usaha mereka dalam barangan-barangnya secara bersaing untuk keperluan dunia.

Bellau juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian membuat tawaran itu semasa berucap di pembukaan seminar pelaburan FIDA di bangunan Standard Oil, setinggi 80 tingkat di sini.

Seminar itu dihadiri lebih 60 orang ahli perniagaan dan permodalan. Timbalan Perdana Menteri berkata rombongan yang dipimpinya sekarang melawat Amerika. Syarikat untuk menawarkan pelaburan kepada syarikat-syarikat yang ingin meluaskan kegiatan seberang laut mereka serta mengekal atau menambah persaingan mereka di luar negeri atau untuk mereka yang sedang menghadapi masalah tanah, buruh dan bahan mentah.

Bellau menambah, mereka boleh mengangap Malaysia sebagai tempat-tempat

berpotensi bagi melabur modal.

Terdahulu dari itu semasa berucap di seminar di Los Angeles, Houston dan New York, Dato Seri Dr. Mahathir memberitahu peserta yang rombongan pelaburan Malaysia yang melawat Amerika Syarikat bukanlah bertujuan membawa persaingan dalam peluang pekerjaan antara pekerja kedua-dua negara.

Presiden Ekskutif Continental Bank, Encik Alfred Miosi, pengantar bersama seminar itu berkata, bank tersebut bersama bank-bank lain di Amerika memandang baik terhadap Kerajaan

Malaysia sebagai pemimpin dan memandang baik hadapan terhadap penyertaan mereka seterusnya dalam perkembangan permodalan dalam negeri serta pelaburan di Malaysia.

Bellau menambah, kedudukan kerajaan yang mengamalkan "flexibility" di bawah Akta Penyerlahan Perusahaan (ICA) memberi harapan baik kepada rakyat Amerika dan telah berbuat sesuatu yang baik untuk menghapuskan kekeliruan terhadap kawasan yang lebih daripada Kerajaan.

Tambahnya, apa yang akan menjadikan Skopmi Malaysia berkembang dan mencapai taraf matang ialah penerangan jelas daripada Kerajaan tentang matlamat dan matlamat mutu serta keamanannya untuk terus bertolak ansur dalam peralaksanaan dan pentadbiran ICA.

Bellau menambah, banyak perbadanan terus memandang Malaysia sebagai tempat peluang pelaburan mereka yang baik.

Ini, katanya, ialah kerana terdapatnya rekod terbaik yang dicapai oleh Malaysia di bidang pembangunan, kedaulatan kredit antara-bangsanya yang terkemuka dan dasar pelaburan yang menarik.

Continental ialah bank yang ketujuh besarnya di Amerika Syarikat yang mempunyai kepentingan di Malaysia menerusi Malaysian International Mercantile Bankers.

Dato Seri Dr. Mahathir sebelum itu telah melawat Mercantile Exchanges yang merupakan salah sebuah pasaran yang terbesar di dunia.

Bendera Malaysia telah dikibarkan di puncak bangunan itu bagi menghormati lawatan Timbalan Perdana Menteri ke sana.

Dato Seri Dr. Mahathir akan berlepas dari Chicago dengan sebuah kapal terbang perendahan ke Toledo, Ohio kerana melawat Pusat Penyelidikan Owens yang terlibat dalam kemajuan baharu di bidang tenaga matahari, pemrosesan makanan dan pembungkusan.

Bellau kemudian akan disertai oleh anggota-anggota lain rombongannya di St. Louis, Missouri di mana Bellau akan melawat pejabat Monsanto —

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Gel: 1435

Me. Pen: 1106/80